

Lebih 50 lokasi risiko banjir di Melaka

MELAKA – Lebih 50 kampung dan taman perumahan di negeri ini dikenal pasti sebagai kawasan berisiko mengalami banjir ekoran musim tengkujuh yang dijangka bermula dalam masa terdekat, kata Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Datuk Seri Naim Abu Bakar.

Katanya, kawasan berkenaan mudah dinaiki air kerana sistem perparitan tidak diselenggara dengan baik dan kemungkinan terdapat halangan di saluran parit atau longkang yang menyebabkan air melimpah keluar atau bertakung.

Beliau berkata, antara kawasan yang dikenal pasti itu ialah Taman Seri Bayu di Alor Gajah, Ujong Pasir dan Kampung Chetti di Melaka Tengah dan Kampung Kilang Berapi dan Tanjong Laboh di daerah Jasin.

“Kita mengarahkan Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS) negeri un-



PENDUDUK Kampung Kilang Berapi, Jasin sering berdepan kesukaran setiap kali musim banjir sejak beberapa tahun lalu.

tuk melakukan kerja pemeriksaan dan penyelenggaraan semua sistem perparitan yang ada sebagai langkah pencegahan daripada berlakunya

banjir,” katanya ketika ditemui selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Melaka di sini semalam.